



INDUSTRI SAMBUT BAIK PELAKSANAAN DUTI EKSAIS KE ATAS CECAIR VAPE BERNIKOTIN

***KADAR CUKAI ADALAH TINGGI DAN
PERLU DIPERHALUSI BERSAMA INDUSTRI SEBELUM PERLAKSANAAN***

KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER 2021 – Pemain-pemain industri vape negara menyambut baik pengumuman kerajaan berhubung pelaksanaan duti eksais kepada produk vape bernikotin pada pembentangan Belanjawan 2022.

Pengumuman oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, membuka satu harapan kepada pemain industri untuk melihat industri ini berkembang di peringkat domestik dan global.

“Kami sambut baik pengumuman tersebut. Mengenakan cukai kepada produk vape bernikotin adalah satu tindakan ke arah perkembangan industri vape tempatan. Ia juga meletakkan negara berada pada landasan yang betul dalam mencapai matlamat meregulasikan keseluruhan industri vape,” kata **Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA), Rizani Zakaria**.

Seiring dengan perkembangan ekonomi dan juga industri, kadar cukai yang dilaksanakan haruslah dibuat dengan risiko berkadar yang mengambil kira kadar manfaat produk kepada komuniti perokok tegar.

Kajian yang diterbitkan oleh Public Health England (PHE) mendapati bahawa kesan vape ke atas kesihatan ialah 95 peratus kurang mudarat berbanding rokok tembakau. Malah, vape telah terbukti membantu perokok berhenti merokok.

“Kami berharap kerajaan boleh mempertimbangkan kadar cukai yang telah ditetapkan kerana ia adalah agak tinggi. Kadar cukai yang dikenakan akan menjadikan produk vape lebih mahal daripada rokok tembakau di Malaysia. Sepatutnya, kadar cukai perlu rendah supaya harga produk vape tidak melebihi harga rokok dan menjadi insentif untuk perokok untuk berhenti merokok melalui vape,” kata Rizani.

Kadar cukai yang ditetapkan menerusi bajet tersebut adalah RM1.20 untuk setiap mililiter cecair vape mulai 1 Januari 2022. Kadar ini telah naik dari kadar semasa iaitu RM0.40 untuk setiap mililiter.

Syed Azaudin Syed Ahmad, Presiden, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), turut memberikan pendapat yang sama, “Kami turut menyambut baik pengumuman yang dibuat Kerajaan dan berpendapat kadar ini perlu diperhalusi bersama industri sebelum ia dilaksanakan. Kadar ini boleh memberikan kesan kepada pengilang tempatan dalam industri vape terutamanya produk cecair vape di mana cukai boleh mencapai RM72 untuk setiap botol 60mililiter.”



“Seterusnya, kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan satu peraturan dan juga melaksanakan kawal selia kepada keseluruhan ekosistem industri. Peraturan kawal selia haruslah mengambil kira pendekatan produk ini adalah kurang mudarat dan tidak patut dikawal sama seperti rokok supaya ia membolehkan perokok berhenti merokok melalui vape dan pada masa yang sama memastikan produk mematuhi piawaian untuk keselamatan dan kualiti produk,” kata Syed Azaudin.

Dalam pada itu, Syed Azaudin turut berkata pemain industri terbuka untuk sesi konsultasi atau perbincangan bagi merangka peraturan kawal selia dan pelaksanaan cukai serta akan memberikan kerjasama sepenuhnya.

“Kami bersedia untuk turut serta memberikan cadangan dalam merangka sebarang peraturan serta pelaksanaan percukaian berkaitan industri vape tanahair. Kami mahu Malaysia terus berada di tangga teratas sebagai antara pengeluar utama produk vape di dunia,” tambah Syed Azaudin lagi.